



Cambridge International Examinations
Cambridge International General Certificate of Secondary Education

CANDIDATE
NAME

CENTRE
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--

* 0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 *

MALAY

0546/02

Paper 2 Reading
SPECIMEN PAPER

For Examination from 2016

1 hour

Candidates answer on the Question Paper.
No Additional Materials are required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.
Write in dark blue or black pen.
Do not use staples, paper clips, glue or correction fluid.
DO **NOT** WRITE IN ANY BARCODES.

Answer **all** questions.

At the end of the examination, fasten all your work securely together.
The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.

This document consists of **14** printed pages and **2** blank pages.

Bahagian 1

Latihan 1 Soalan 1–5


Baca soalan-soalan berikut. **Tanda** kotak jawapan yang betul.

1 Di pasar anda nampak:


Pisang

Apa yang boleh anda beli?


A




B



C



D



[1]

2 Anda mahu belayar.

Ke manakah anda harus pergi?

A

Lapangan Terbang

B

Stesen Keretapi

C

Lebuhraya

D

Pelabuhan


[1]

3 Di kedai anda nampak:


Seluar

Apa yang boleh anda beli?


A




B



C



D







[1]

4 Di pasaraya anda nampak:

Ubat Gigi

Apakah benda ini?





A		B		C		D	
B							
C							
D							

[1]

5 Di padang anda nampak:

Kereta Dilarang Masuk

Apakah yang tidak dibenarkan ?







A		B		C		D	
B							
C							
D							

[1]

[Total: 5]

Latihan 2 Bahagian 6–10

Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (A, B, C, D, E atau F) di dalam kotak yang berkaitan.

6 Maria akan pergi berenang.

7 Johan melihat ramalan cuaca: hujan lebat.

8 Chong ingin membaca.

9 Nana mahu menulis surat.

10 Amy akan mendengar muzik.

[Total: 5]

Latihan 3 Soalan 11–15

Anna menghantar e-mel kepada kawannya Mary. Baca e-mel berikut dengan teliti.

Helo Mary!

Saya tidak boleh pergi minum kopi dengan anda. Saya sedang berada di perpustakaan sekolah. Saya akan belajar di sini sampai petang. Pada pukul 4, saya perlu berjumpa guru matematik saya sebelum saya pulang ke rumah.

Saya perlu habiskan kerja rumah sejarah saya sebelum esok pagi dan saya tidak mungkin dapat membuatnya sebelum pukul 11 malam ini. Oleh itu, saya tidak boleh pergi ke teater dengan anda dan Mei Lin. Bolehkah anda telefon Mei Lin dan beritahu dia? Mungkin kita boleh pergi ke teater bersama-sama pada hari Ahad?

Anna

Tanda kotak yang betul.

11 Anna berada...

A di sekolah.

B di rumah.

C di kafeteria.

[1]

12 Petang ini, Anna akan...

A pergi ke kelas Bahasa Inggeris.

B berjumpa gurunya.

C membantu kawannya.

[1]

13 Malam ini, Anna akan...

A bekerja lewat.

B tidur awal.

C keluar dengan Mary.

[1]

14 Anna meminta Mary...

A membeli tiket.

B menelefon Mei Ling.

C membantunya menyiapkan kerja rumah.

[1]

15 Pada hari Ahad, Anna mahu...

A pergi membeli-belah.

B mengulang kaji.

C keluar.

[1]

[Total: 5]

Bahagian 2

Latihan 1 Soalan 16–20

Baca teks berikut.

Tapak Perkhemahan Desaria

Tapak Perkhemahan Desaria terletak di kawasan gunung yang sangat dekat dengan sebuah kampung yang cantik. Kami hanya mempunyai sepuluh tempat untuk khemah, dengan pemandangan yang hebat.

Tempat ini ialah lokasi yang amat sesuai untuk orang dewasa yang ingin berjalan jauh atau menunggang basikal.

Terdapat sebuah restoran dan kedai runcit di kampung berdekatan yang dibuka setiap hari kecuali pada hari Isnin.

Kawasan ini kecil dan pengunjung perlu meninggalkan kereta mereka di tempat letak kereta di luar kawasan perkhemahan.

Anda dibenarkan membawa masuk haiwan yang anda bela. Tapak perkhemahan ini dibuka dari bulan April hingga bulan Oktober.

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan perkataan Melayu yang sesuai di bawah.

banyak	restoran	anjing	kanak-kanak
pelancong	perindustrian	sedikit	kolam renang
	indah	kereta	

- 16 Tapak perkhemahan ini terletak di kawasan [1]
- 17 Terdapat tempat untuk khemah. [1]
- 18 Tapak perkhemahan ini tidak sesuai untuk [1]
- 19 tutup pada hari Isnin. [1]
- 20 dilarang di dalam tapak perkhemahan. [1]

[Total: 5]

Sila buka halaman untuk Latihan 2.

Latihan 2 Soalan 21–29

Hasan menghantar e-mel kepada kawannya Raju. Baca e-mel di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut dalam **Bahasa Melayu**.

Helo Raju!

Saya menulis untuk mengajak awak untuk bercuti dengan saya.

Ayah saya ingin naik Gunung Kinabalu pada bulan Julai. Oleh sebab saya suka naik gunung, saya telah bertanya ayah jika saya boleh ikut sama. Pada mulanya, dia kata tidak. Dia berkata "Gunung ini terlalu tinggi untuk kamu". Jadi, untuk menunjukkan kepada ayah saya bahawa saya boleh melakukannya, saya telah naik sejauh 15km dengan dia pada hujung minggu. Ayah saya sangat gembira kerana dia nampak saya boleh mendaki sejauh itu. Jadi dia membuat keputusan untuk membawa saya bersamanya.

Semasa makan malam semalam, ayah membuat cadangan yang hebat. Katanya, "Hasan, ajaklah kawan kamu Raju untuk bercuti dengan kita bulan Julai ini. Pasti seronok untuk kamu."

Kami bercadang untuk bertolak pada 15 Julai dan pergi selama sepuluh hari. Ayah akan membawa satu khemah. Bolehkah awak membawa khemah untuk kita berdua? Jika awak masih ada peta untuk kawasan itu, bolehkah awak bawanya juga? Pasti berguna.

Saya benar-benar berharap awak dapat datang. Percutian yang pasti hebat!

Hasan

- 21 Apakah yang Hasan tanya Raju?
..... [1]
- 22 Apakah yang ayah Hasan ingin lakukan pada bulan Julai?
..... [1]
- 23 Apakah yang Hasan tanya ayahnya?
..... [1]
- 24 Mengapakah pada mulanya ayah Hasan tidak bersetuju?
..... [1]
- 25 Apakah yang Hasan dan ayahnya lakukan pada hujung minggu?
..... [1]
- 26 Mengapakah ayah Hasan gembira?
..... [1]
- 27 Apakah cadangan ayah Hasan?
..... [1]
- 28 Berapa lamakah mereka akan pergi?
..... [1]
- 29 Apakah yang Hasan minta Raju bawa ke percutian mereka?
(i) [1]
(ii) [1]

[Total: 10]

Bahagian 3

Latihan 1 Soalan 30–34

Baca teks di bawah dengan teliti.

Menjadi seorang doktor di Afrika

Selama lebih dua puluh tahun, Lisa telah bekerja sebagai seorang doktor di sebuah hospital besar di Kuala Lumpur. Pada umur 60 tahun, semasa sesetengah orang memilih untuk bersara, Lisa membuat keputusan untuk membantu penduduk di negara-negara yang kurang maju. Oleh itu, dia menyertai organisasi *Doktor Sedunia*.

Tugas pertama beliau ialah di Mali, Afrika Barat, di mana beliau telah melatih orang muda yang mahu menjadi doktor. Kemudian, dia pergi ke Gabon, sebuah lagi negara Afrika. Setiap kali dia pulang ke Kuala Lumpur selepas setiap tugas, Lisa ingin pulang semula ke Afrika.

Di Afrika, dia hanya mendapat kemudahan asas. Semasa bertugas, dia hidup seperti rakan-rakan sekerjanya di pusat perubatan tempatan. "*Kakitangan pusat perubatan sentiasa hidup dalam keadaan kecemasan; bencana alam atau peperangan. Oleh itu, pusat perubatan sentiasa penuh dengan orang yang cedera dan sakit*" katanya.

Di Malaysia, Lisa berasa sedih kerana kurang hubungan rapat di kalangan rakan-rakan sekerjanya. Di sebaliknya, dia amat menyukai hubungan mesra yang terdapat dalam pasukan *Doktor Sedunia*. "*Ketika bertugas, kami mengongsi segala-galanya, kami makan bersama-sama, dan jika saya mahu berehat, kami akan keluar untuk melapangkan fikiran...*"

Dalam pekerjaan mereka, pasukan doktor *Doktor Sedunia* yang sudah biasa menggunakan teknologi canggih di Malaysia terpaksa belajar berkerja dalam keadaan yang serba kekurangan. Mereka juga perlu memahami sikap dan tradisi orang tempatan. Contohnya, Lisa sukar menerima hakikat bahawa ibu bapa lebih mementingkan perubatan tradisional dan menolak perubatan moden yang akan membantu anak-anak mereka.

Jawab soalan-soalan berikutnya dengan menandakan **BETUL** atau **SALAH**. Jika kenyataan itu SALAH, betulkannya berdasarkan teks di atas.

(Terdapat 2 kenyataan yang betul dan 3 kenyataan yang salah)

Contoh:

Lisa telah menghabiskan 20 tahun bekerja di luar negara.

BETUL **SALAH**

Dia bekerja di sebuah hospital di Kuala Lumpur.

30 Pada umur 60 tahun, Lisa membuat keputusan untuk berehat.

BETUL **SALAH**

31 Di Mali, kerja Lisa adalah menjaga orang-orang yang sakit.

BETUL **SALAH**

32 Di pusat-pusat perubatan, para doktor dan pesakit tinggal bersama.

BETUL **SALAH**

33 Terdapat hubungan yang baik antara ahli-ahli pasukan Doktor Sedunia.

BETUL **SALAH**

34 Menurut Lisa, ibu bapa sentiasa memilih apa yang terbaik untuk anak mereka.

BETUL **SALAH**

[Total: 8]

Latihan 2 Soalan 35–40

Baca teks di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Mari Memelihara Alam Semula Jadi

Lee suka kerjanya sebagai seorang wartawan sukan untuk sebuah majalah. Walau bagaimanapun dia gembira apabila, rakan sekerjanya meminta dia pergi ke Amazon untuk menggantikannya. Lee menerima tawaran itu. Di Amazon, jauh dari bandar-bandar dan tempat pelancongan, Lee menikmati keindahan dan kehebatan landskap dan alam semula jadi. Lee membuat keputusan untuk tinggal bersendirian selama dua bulan di tengah-tengah hutan, untuk lebih memahami keadaan di sekitarnya.

Lee semakin kagum dengan apa yang dilihatnya. Walau bagaimanapun, dia tahu bahawa tempat ini semakin terancam. Kebanyakan kawasan sudah pun musnah; pokok-pokok telah ditebang dan hutan semakin lesap. Lee telah mengambil beratus-ratus gambar; untuk ditunjukkan kepada masyarakat Malaysia tentang pentingnya alam semula jadi.

Apabila dia pulang ke Malaysia, dia membuat keputusan untuk cuba melindungi kawasan-kawasan semula jadi di dunia ini. Dia mewujudkan sebuah organisasi yang dikenali sebagai “Mari Memelihara Alam Semula Jadi”. Beratus-ratus ribu orang mula untuk menaja organisasi ini. Bagi Lee, “Orang muda bertanggungjawab menghormati alam semula jadi”.

Pertubuhan ini menaja satu pertandingan untuk anak-anak muda, dengan menggunakan sumbangan yang diterima. Setiap tahun, mereka memberi hadiah kepada anak-anak muda yang menjalankan projek alam sekitar terbaik.

Disebabkan populariti pertubuhan ini, Lee telah berjaya meyakinkan saluran TV untuk menghasilkan satu dokumentari bersiri sebanyak 10 episod. Di dalam program itu seorang anak muda melawat kawasan-kawasan semula jadi yang paling indah di dunia. Anak muda tersebut haruslah cergas dan tidak takut untuk mengambil risiko. Lee yang mempunyai ciri-ciri ini, dan semangat yang gigih untuk merantau tersebut telah menjadi “anak muda” dalam program ini. Program ini telah menjadi sangat popular.

35 Mengapa Lee pergi ke Amazon?

..... [1]

36 Di manakah landskap paling indah yang telah Lee temui di Amazon?

..... [1]

37 Apakah bahaya yang dihadapi oleh tempat-tempat ini?

..... [1]

38 Apakah matlamat Lee setelah pulang dari Amazon?

..... [1]

39 (a) Siapakah yang boleh mengambil bahagian dalam pertandingan yang dianjurkan oleh “Mari Memelihara Alam Semula Jadi?”

..... [1]

(b) Apakah yang perlu anda lakukan untuk memenangi pertandingan ini?

..... [1]

40 Mengapakah Lee dipilih untuk dokumentari itu?

..... [1]

[Total: 7]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

Cambridge International Examinations is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is itself a department of the University of Cambridge.